

**Agenda BERSIH Digagalkan Pembangkang
Bernama
04 Mei, 2012
Analisis Berita Oleh Zulkefli Salleh**

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Pergerakan masyarakat bertamaddun menuntut penambahbaikan proses pilihan raya di negara ini menerusi perhimpunan aman oleh badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang sebenarnya sejajar dengan transformasi politik kerajaan, dikatakan digagalkan sendiri oleh rakan sekutu dari parti-parti pembangkang.

Semakin banyak bukti dalam bentuk video, gambar, saksi dan ucapan-ucapan kalangan pemimpin pembangkang dimuat naik dalam Youtube menunjukkan bahawa parti pembangkang merampas perhimpunan BERSIH 3.0 di ibu negara Sabtu lepas dan dikatakan sengaja mencetuskan keganasan dan huru-hara.

Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) Azmin Ali dalam satu rakaman video dikatakan menggalakkan para demonstran membuka kawat dan pagar hadangan di Dataran Merdeka dan merempuh masuk ke dalam kawasan Dataran Merdeka di mana pentadbirnya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), sebelum itu memperoleh perintah mahkamah melarang ia dijadikan tempat berhimpun.

Menteri Besar Kelantan Datuk Seri Nik Aziz Nik Mat beberapa hari sebelum perhimpunan ganas itu dilaporkan mengeluarkan "fatwa" bahawa adalah halal untuk menggulingkan kerajaan yang "mungkar" menerusi demonstrasi jalanan.

Perhimpunan aman atas nama mahu memperbaiki proses demokrasi yang bertukar ganas itu juga menonjolkan satu lagi ironi -- pergerakan demokrasi itu sendiri gagal mendidik rakyat supaya menghormati dan mengamalkan prinsip-prinsip demokrasi terutama dalam menjunjung tinggi keluhuran undang-undang.

Di bawah BERSIH, tergabung lebih 80 NGO yang bergerak antara lain menggunakan modus operandi perhimpunan aman sebagai wadah menuntut amalan demokrasi yang lebih baik dengan mendakwa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak adil dan kononnya kerajaan zalim.

Atas nama hak berkumpul dan hak bersuara, sebahagian peserta sendiri bagaimanapun tidak menunjukkan ciri-ciri warga sebuah negara demokrasi seperti mematuhi undang-undang, menghormati suara ramai dan mengiktiraf hak asasi orang lain. Mereka bukan sahaja melanggar perintah mahkamah melarang perhimpunan itu diadakan Dataran Merdeka, malah melanggar pelbagai Akta.

Umum sudah mengetahui bahawa apabila polis melepaskan gas pemedih mata dan tembakan meriam air setelah amaran bersurai diingkari, demonstran bertindak ganas dan membabi buta menyerang anggota polis secara fizikal dan melemparkan objek.

Seorang demonstran dirakam video menyepak seorang anggota polis trafik bertubi-tubi setelah dia terjatuh dari motosikalnya. Dalam satu insiden keganasan lain, para demonstran mengkeroyok seorang pemandu kereta peronda polis dan merosakkan kenderaannya setelah ia terbabas ke kaki lima sebuah kompleks.

Sama ada pimpinan BERSIH ikhlas atau tidak terhadap pergerakan mereka dan kepada tujuan perhimpunan diadakan atau bersekongkol dengan parti-parti pembangkang atau tidak, hanya mereka yang boleh menjawabnya?.

Berdasarkan pandangan berbaik sangka terhadap Bersih, tata kelakuan peserta perhimpunan sendiri belum mencerminkan sikap dan pemikiran masyarakat sivil.

Adakah mereka yang menyokong perjuangan Bersih sudah bersedia untuk mengamalkan hak-hak kebebasan berkumpul dan kebebasan bersuara seperti mana diamalkan di negara-negara Barat di mana para aktivis berkumpul secara aman?.

Bukankah menjadi tanggungjawab BERSIH untuk mendidik masyarakat yang memilih cara mereka untuk memperjuangkan penambahbaikan proses demokrasi?.

BERSIH tidak seharusnya mencuci tangan terhadap keganasan yang tercetus.

Sehingga kini, BERSIH tidak mengeluarkan kenyataan bahawa perhimpunan itu dirampas orang politik yang menggunakan perhimpunan itu untuk menimbulkan kemarahan dan kebencian rakyat terhadap pasukan keselamatan dan kerajaan.

S. Ambiga, bekas Presiden majlis Peguam, dilaporkan berkata BERSIH berpendirian mereka yang melakukan keganasan dan merosakkan harta benda awam pada perhimpunan itu harus bertanggung jawab dan menghadapi tindakan undang-undang.

Kepada keengganan peserta perhimpunan mematuhi arahannya supaya bersurai dan merempuh masuk ke Dataran Merdeka, beliau dilaporkan sebagai berkata arahan dikeluarkan sejurus selepas pukul 2 petang "setelah perhimpunan mencapai matlamatnya", tetapi tidak didengari semua demonstran yang bilangannya banyak.

Dalam erti kata lain beliau mengakui sukar mengawal selia demonstran dalam bilangan besar tetapi kenapa beliau mudah menyalahkan anggota polis apabila demonstran tidak mematuhi arahan polis yang mengawal perhimpunan?.

Para demonstran yang berang ditembak gas pemedih mata dan air mendakwa polis tidak memberi amaran dan masa yang mencukupi untuk mereka bersurai.

Para pemerhati cenderung membuat kesimpulan bahawa sekiranya BERSIH dianggap berjaya, kejayaan pergerakan itu berjaya menggalakkan rakyat agar tidak menghormati mahkamah, polis, pihak berkuasa lain yang mewakili institusi dalam sistem perundangan undang-undang negara.

Daripada segi sokongan popular, jika dilihat bilangan orang awam yang menyertai tiga siri perhimpunan yang diadakan setakat ini menurut anggaran rasmi, tidak menunjukkan pertambahan besar.

Walaupun perhimpunan Sabtu lepas didakwa BERSIH berjaya menarik lebih 200,000, bukti berdasarkan gambar udara tidak mencerminkan angka tersebut.

Anggaran rasmi sekitar kira-kira 30,000 hingga 35,000 sahaja menyertai perhimpunan itu terdiri daripada kira-kira 50 peratus Melayu, 45 peratus Cina dan selebihnya India dan lain-lain kaum.

Keghairahan masyarakat Cina menyertai perhimpunan yang buat pertama kali menyaksikan jumlah yang lebih besar nampaknya akan terbantut pada masa depan oleh tindakan ganas para demonstran.

Ini tercermin daripada tindakan seorang peserta Cina memarahi pemimpin PKR pada sidang media baru-baru ini kerana membahayakan nyawanya apabila beliau menuduh parti itu merampas perhimpunan dan mendalangi keganasan.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=663876>